

08 NOV 1996

Mahathir-Guinea

M'SIA TAK PERSIAKAN PERTIMBANGAN ISTIMEWA GUINEA

CONAKRY, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan Malaysia tidak akan mempersia-siakan pertimbangan istimewa yang diberikan Guinea kepada Malaysia untuk terlibat dalam semua bidang pembangunan di negara ini.

"Saya percaya dengan adanya pertimbangan yang istimewa ini bagi Malaysia, syarikat-syarikat Malaysia patut memberi perhatian berat kepada masalah negara ini dan mengikut kehendak negara ini terutama berkenaan soal melatih pekerja dan memberi perkerjaan kepada rakyat Guinea," katanya.

Dr Mahathir yang menamatkan lawatan empat hari ke sini hari ini memberitahu wartawan Malaysia demikian selepas beliau dan Presiden Lansana Conte menyaksikan Malaysia dan Guinea menandatangani empat perjanjian atau memorandum persefahaman termasuk dua perjanjian antara kerajaan di sini malam tadi.

Dalam sesi berasingan sebaik sahaja selesai upacara itu beliau juga melayani pertanyaan para wartawan Guinea termasuk mengenai soal rahsia kejayaan pembangunan Malaysia, UMNO dan kerajaan campuran di Malaysia hinggalah ke soal kesatuan sekerja dan layanan untuk wanita di Malaysia.

Dua perjanjian antara kerajaan yang ditandatangani ialah perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal.

Yang dua lagi ialah perjanjian antara Beras Nasional Berhad (Bernas) dengan kerajaan Guinea untuk menubuhkan syarikat memajukan industri beras Guinea dan perjanjian antara Sotelgui, iaitu syarikat milik Telekom Malaysia dan Uuniversity Conakry mengenai kerjasama dalam bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Kewangan dan Perancangan Ekonomi Guinea, Ousmane Kaba ialah antara yang menandatangani perjanjian antara kedua-dua kerajaan.

Ketika menjawab soalan wartawan Malaysia kemudian, Dr Mahathir berkata beliau yakin negara-negara Selatan yang mundur seperti Guinea dan Kyrgystan mampu meneladani kejayaan Malaysia asalkan dapat diubah budaya "kerja cukup waktu dan dapat gaji tetap" di kalangan rakyat mereka.

Katanya, dalam konteks Guinea, apa yang lebih rumit daripada menarik pelaburan ialah menyediakan rakyatnya untuk melalui tempoh transformasi budaya negara pertanian kepada budaya negara perindustrian seperti yang Malaysia alami.

Guinea dan Kyrgystan, kedua-duanya bekas negara yang mengamalkan sosialisme, menghadapi masalah berbeza iaitu Guinea yang dahulunya kaya sebagai negara pengeksport pisang dan beras menjadi miskin kerana terlalu lama di bawah pentadbiran sosialis.

Beliau menolak tanggapan kononnya Malaysia menumpukan perhatian kepada Guinea dan tidak kepada negara lain di Afrika Barat yang juga mungkin mahukan bantuan Malaysia.

Dr Mahathir berkata Guinea menunjukkan lebih kemesraan kepada Malaysia dan ia menganggap kemajuan Malaysia sebagai kejayaan yang besar tetapi katanya ini tidak pula bermakna negara-negara lain di Afrika kurang mesra dengan Malaysia.

Katanya, Malaysia juga memberi perhatian kepada pelaburan di Namibia, Afrika Selatan, Zimbabwe dan Ghana.

"Guinea memberi pertimbangan istimewa kepada Malaysia dalam semua bidang. Kerajaan sudah tentu akan menyokong segala usaha pihak swasta untuk melabur dan membantu pembangunan Guinea," katanya.

Mengenai apa yang dapat dipelajari hasil lawatan ke sini, Dr Mahathir berkata ia mengingatkan beliau bahawa ada sebahagian dariada rakyat Malaysia, walaupun menikmati hasil pembangunan negara, kini begitu mudah melenting akibat sedikit sahaja kesalahan kerajaan.

Ketika negara lain menganggap pembangunan Malaysia satu kejayaan besar, "orang kita sendiri menganggap negara kita tidak baik, tidak ada keadilan, tidak mengambil berat tentang alam sekitar. Mereka cuma tahu apa yang tidak betul sahaja".

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongan berlepas ke Accra hari ini untuk lawatan rasmi empat hari ke Ghana iaitu negara kedua di Afrika Barat yang dilawatinya. --

BERNAMA

RN FAZ